

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS JASAMU DIKENANG :
PERSARAAN DSP/PB SURIA KAMIS

6 OKTOBER 2025 | ISNIN | 4.00 PETANG
BILIK MESYUARAT 1
ARAS 2, BANGUNAN FF1
KAMPUS PUNCAK ALAM
UiTM CAWANGAN SELANGOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN WASOLAATU
WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL ANBIYAAI
WALMURSALIIN WA 'ALAAALIHI WASOHBIIH
AJMA'IN**

Yang Dihormati DSP/PB Suria Bin Hj Kamis
Timbalan Pegawai Keselamatan Kanan

Barisan Pegawai dan Anggota Pejabat Polis Bantuan,
UiTM Cawangan Selangor

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam
UiTM di Hatiku.**

Pertama sekali, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi meraikan persaraan seorang insan yang banyak berjasa, iaitu Yang Dihormati DSP/PB Suria bin Haji Kamis.

Tuan Suria bukan sekadar seorang pegawai yang berdedikasi, malah sentiasa menunjukkan teladan yang baik.

Pihak pengurusan amat menghargai komitmen, disiplin, dan keikhlasan beliau dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan.

Sepanjang perkhidmatan beliau, banyak sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan demi memastikan keselamatan kampus sentiasa terpelihara dan berada dalam keadaan terbaik.

Mula Berkhidmat di UiTM pada **16 Mac 2009**

BIL	TARIKH LANTIK	TARIKH SAH	TARIKH HINGGA	JABATAN	JAWATAN	GREDD GAJI	STATUS
1	01/12/2024			UITM KAMPUS PUNCAK ALAM	TIMBALAN PEGAWAI KESELAMATAN KANAN	KP13	
2	16/02/2023			IBU PEJABAT POLIS BANTUAN UITM	TIMBALAN PEGAWAI KESELAMATAN KANAN	KP52	P/
3	16/01/2020			IBU PEJABAT POLIS BANTUAN UITM	TIMBALAN PEGAWAI KESELAMATAN	KP48	P/
4	03/09/2015			UITM KAMPUS KOTA KINABALU	PEGAWAI KESELAMATAN KANAN	KP44	P/
5	16/03/2009	09/04/2011		UITM KAMPUS KOTA KINABALU	PEGAWAI KESELAMATAN	KP41	LA

Sumbangan kepada UCS

1. Sistem Pengurusan Pas Keselamatan Kontraktor e-PASCO

2. Penerbitan Buku Dokumen Proses Kerja PBUCS
3. Pengurusan Fail dan Rekod Jabatan
4. Penwujudan Iqra Coner PTJ
5. Penjanaan Pendapatan PB KPI 100%
6. Penjanaan Bil Saman Lalulintas Pelajar
7. Penilaian Risiko Jalanraya Kampus
8. Keahlian Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) UCS

Bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UCS, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa, budi, dan sumbangan yang telah tuan berikan.

Akhir kata, kami mendoakan semoga tuan terus dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan, dan kebahagiaan bersama keluarga tercinta dalam meniti fasa baharu kehidupan.

Terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan.

Selamat bersara dan selamat maju jaya, DSP/PB Suria bin Haji Kamis.

Langit cerah selepas hujan,
Menyinari bumi membawa sejahtera;
Di UCS tuan tinggalkan kenangan,
Jasamu dikenang sepanjang masa.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.